



NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 5 Disember 2025

LARANGAN PENGIMPORAN BABI DAN PRODUK BABI (KECUALI PRODUK *RETORT*) DARI NEGARA SEPANYOL DAN TINDAKAN PENERIMAAN KONSAINAN IMPORT

Susulan dari laporan wabak penyakit African Swine Fever (ASF) yang berlaku di negara Sepanyol seperti yang dilaporkan kepada World Organisation for Animal Health (WOAH) pada 28 November 2025, DVS telah mengenakan larangan pengimportan babi dan produk babi (kecuali produk *retort*) dari negara Sepanyol berkuatkuasa serta merta.

Pertimbangan pengimportan produk babi dari negara Sepanyol hanya dibenarkan bagi konsainan import yang diiringi dengan **Sijil Kesihatan Veterinar** yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara Sepanyol dan mematuhi **semua** perkara berikut:

- i. Sijil Kesihatan Veterinar dikeluarkan pada atau sebelum 28 November 2025,
- ii. Tarikh sembelih (*date of slaughter*) produk sebelum 14 November 2025 **dan**
- iii. Tarikh pemprosesan produk (*date of production*) sebelum 28 November 2025

Sila berhubung dengan pihak MAQIS bagi urusan permohonan permit konsainan import yang mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian, untuk makluman.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar